

Mahathir mahu negeri bertindak

Oleh Izman Ismail

B.H 7 SEP 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Majlis Tertinggi (MT) Umno akan menyerahkan hasil siasatan terhadap bantahan dan rayuan di peringkat cawangan serta bahagian parti itu kepada Ketua Perhubungan Umno negeri untuk tindakan selanjutnya.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Ketua Perhubungan Umno negeri akan menyelesaikan masalah itu selaras dengan keputusan MT.

"Antara sungutan ahli ialah tidak berpuas hati dengan beberapa perkara berhubung pengurusan parti di samping dakwaan mesyuarat cawangan

yang dikatakan tidak sah.

"Oleh itu, kita akan menyerahkan kajian ini kepada Ketua Perhubungan Umno negeri untuk dilaksanakan di peringkat cawangan dan bahagian masing-masing," katanya di ibu pejabat Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir turut menasihatkan ahli Umno supaya berkempen secara bersih dan demokratik menjelang pemilihan di peringkat bahagian yang bermula pada Khamis ini.

"Ahli Umno janganlah buat tuduhan kepada calon. Ini boleh jejas imej parti. Harap kempen cara baik dan terima keputusan secara demokratik.

Dalam pemilihan akan ada yang menang dan kalah.

"Saya harap semua pihak terima pandangan dan nasihat ini. Kita tidak perlu terlalu tegang ketika berkempen. Ini bukan hanya di peringkat bahagian sahaja malah pusat," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, MT turut mengucapkan tahniah kepada Badan Perhubungan Umno Pahang berikutan kejayaan menumpaskan Pas dalam pilihan raya kecil Batu Talam dengan majoriti lebih besar iaitu 2,990 undi.

"MT menganggap kejayaan ini sebagai cemer-

lang dan kita juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob," katanya.

Mengenai isu antara-bangsa, Dr Mahathir berkata, Umno menyokong usaha perdamaian Pertubuhan Pembebasan Rakyat Palestin (PLO) dengan Israel menerusi pengiktirafannya terhadap kewujudan negara itu.

"Kita sokong usaha perdamaian PLO untuk iktiraf Israel dan adakan perdamaian dengannya. Ini boleh menghentikan keganasan dan pembunuhan rakyat Palestin sejak sekian lama," katanya.